

Akaun Premier Booster OCBC

Terma dan syarat

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit

1. Akaun Premier Booster OCBC

- 1.1. Akaun Premier Booster OCBC (“Akaun”) adalah akaun simpanan yang menawarkan kadar faedah tinggi dengan fleksibiliti sebuah akaun simpanan. Ditawarkan ekslusif kepada ahli-ahli Perbankan Premier atau Klien Peribadi Premier.

2. Pelanggan yang Layak

- 2.1. Pelanggan yang layak untuk Akaun Premier Booster OCBC dirujuk sebagai “Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak”. Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak perlu memenuhi kesemua kriteria dibawah:

- Individu yang merupakan pemastautin Malaysia, pemastautin tetap dan bukan pemastautin kecuali daripada negara-negara yang tidak diterima oleh OCBC Bank (Malaysia) Berhad (“OCBC Bank”).
- Pelanggan yang berada dalam keadaan yang baik terhadap operasi akaun-akaun mereka mengikut budi bicara mutlak pihak OCBC Bank.
- Ahli-Ahli Perbankan Premier OCBC Bank atau Klien Peribadi Premier.

3. Ciri-ciri Produk dan Kadar Faedah

3.1	Deposit Permulaan Minimum	Deposit permulaan minimum bagi Akaun Premier Booster OCBC adalah RM200,000. Baki minimum untuk mengekalkan akaun adalah RM20. Akaun yang tidak berbaki secara berterusan untuk 90 hari akan ditutup. Pihak OCBC Bank akan memberitahu anda melalui SMS atau apa-apa cara lain yang sesuai sebelum akaun ditutup. Pengaktifan semula akaun yang telah ditutup adalah atas budi bicara mutlak pihak OCBC Bank.
3.2	Kadar Faedah	<p>1) Faedah Asas</p> <p>Anda akan mendapat Faedah Asas berdasarkan keseluruhan baki Akaun Premier Booster OCBC. Kadar Faedah Asas diakru secara harian dan dikreditkan ke dalam Akaun Premier Booster OCBC setiap akhir bulan, dibundarkan kepada 2 titik perpuluhan.</p> <p>Faedah Asas harian dikira berdasarkan formula dibawah:</p> $\text{Faedah Asas} = \text{Baki Harian} \times \text{Kadar Faedah Asas}^1 \times \frac{1}{365}$ <p>¹Kadar terkini boleh didapati di laman web OCBC Malaysia. OCBC Bank berhak untuk mengubah kadar</p> <p>Faedah dan boleh berbuat demikian dengan meletakkan notis di cawangan, di laman web OCBC Bank atau di media massa.</p> <p>2) Faedah Bonus Kekayaan</p> <p>Tambahan ke atas Faedah Asas, anda akan menerima Faedah Bonus Kekayaan jika anda memenuhi keperluan membeli/melanggan produk kekayaan yang layak melalui pihak OCBC Bank. Faedah Bonus Kekayaan dikira pada setiap akhir bulan berdasarkan Baki Purata Harian pada setiap akhir bulan tertakluk kepada had dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Premier Booster OCBC yang aktif di dalam jangkamasa 14 hari urus niaga (atau mana-mana hari OCBC Bank dibuka untuk perniagaan, tidak termasuk hari Sabtu, hari Ahad dan cuti umum) pada bulan yang berikutnya atau lebih awal. Faedah Bonus Kekayaan dipenggal kepada 2 tempat perpuluhan.</p> <p>Jika anda tidak memenuhi keperluan dengan membeli/melanggan produk kekayaan pada mana-mana bulan kalendar, anda tidak akan menerima Faedah Bonus Kekayaan.</p> <p>Tiada Faedah Bonus Kekayaan akan dibayar ke dalam Akaun Premier Booster OCBC anda jika jumlah keseluruhan bonus dalam sebulan itu kurang daripada RM0.01.</p>

	<p>Tiada Faedah Bonus Kekayaan akan dibayar ke dalam Akaun Premier Booster OCBC anda jika akaun ditutup sebelum pembayaran Faedah Bonus Kekayaan.</p> <p>Faedah Bonus Kekayaan yang dibayar adalah berdasarkan kaedah pengiraan di bawah:</p> $\text{Bonus Kekayaan}^2 = \text{Baki Purata Harian}^3 \times \text{Kadar Faedah Bonus Kekayaan} \times \frac{\text{Bilangan hari dalam sebulan}}{\text{Bilangan hari dalam setahun}}$ <p>²<i>Keperluan Faedah Bonus Kekayaan (butiran dalam Lampiran untuk Bonus Kekayaan untuk Akaun Premier Booster) tidak bergantung pada Faedah Asas.</i></p> <p>³<i>Baki Purata Harian ialah purata untuk baki harian akaun pada bulan kalendar tersebut. Faedah Bonus Kekayaan dikira pada RM50,000, RM200,000 atau RM500,000 pertama (setiap satu "Had Baki Purata Harian") Baki Purata Harian bergantung kepada pembelian/pelanggan produk Kekayaan anda.</i></p>
--	--

4. Kelayakan Faedah Bonus Kekayaan

- 4.1. Faedah Bonus Kekayaan akan bermula dalam kalendar bulan apabila Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak telah memenuhi kesemua keperluan, dan akan dibayar untuk keseluruhan "tempoh bonus". Pembelian produk Kekayaan dianggap selesai dilakukan pada tarikh efektif produk Kekayaan tersebut, iaitu selepas tamat tempoh rujukan percuma / tempoh pembatalan atau 14 hari selepas tempoh pembelian, tertakluk kepada mana-mana tempoh yang lebih lama, tanpa membantalkan pembelian. Tarikh efektif merujuk kepada tarikh permulaan produk bankansuran/takaful dan tarikh dagangan Unit Amanah/-i. Sila rujuk Lampiran Keuntungan Bonus Akaun Premier Booster OCBC untuk Faedah Bonus Kekayaan , pembelian produk Kekayaan minimum yang diperlukan dan "tempoh bonus" yang telah ditentukan.
- 4.2. Faedah Bonus Kekayaan hanya akan dibayar untuk satu tempoh bonus tidak kira berapa kali seorang Ahli Perbankan Premier yang Layak mungkin layak menerima Faedah Bonus Kekayaan tersebut. Jika terdapat lebih daripada satu tempoh bonus, hanya tempoh bonus yang mempunyai Faedah Bonus Kekayaan yang tertinggi akan dipilih.
- 4.3. Setiap Ahli Perbankan Premier yang Layak berhak untuk menerima hanya satu Keuntungan Bonus Kekayaan atau Faedah Bonus Kekayaan (setiap satu "Pentauliahan Bonus Kekayaan") untuk kesemua Premier Booster-i OCBC dan Booster-i OCBC dengan OCBC Al-Amin dan Premier Booster OCBC dan Booster OCBC dengan OCBC Bank (setiap satu dirujuk sebagai "Akaun Layak"). Jika terdapat lebih daripada satu Akaun Layak yang berhak menerima Pentauliahan Bonus Kekayaan, maka Akaun Layak yang berhak menerima Pentauliahan Bonus Kekayaan yang tertinggi akan dibayar Pentauliahan Bonus Kekayaan; kesemua Akaun Layak yang lain tidak akan dibayar Pentauliahan Bonus Kekayaan. Sekiranya Pentauliahan Bonus Kekayaan adalah sama untuk kesemua Akaun Layak, maka Akaun Layak yang mempunyai nombor akaun yang terbesar akan menerima Pentauliahan Bonus Kekayaan.
- 4.4. Status akaun anda mestilah kekal aktif untuk menerima Faedah Bonus Kekayaan pada bulan tersebut. Sekiranya status akaun anda tidak aktif disebabkan oleh dorman, tertutup, terbku, dimiliki oleh individu yang sudah meninggal dunia atau status-status lain yang dianggap tidak aktif oleh pihak OCBC Bank, anda tidak akan menerima Faedah Bonus Kekayaan pada bulan tersebut.
- 4.5. Pelanggan produk Kekayaan yang sama memenuhi kriteria kelayakan minimum akan diagregatkan jika tarikh berkuat kuasa, selepas tempoh rujukan percuma/ pembatalan atau 14 hari (yang mana lebih lama), jatuh pada bulan kalendar yang sama.
- 4.6. Untuk produk Kekayaan yang layak dengan premium/caruman tetap, hanya premium/caruman tahun pertama yang layak untuk faedah Bonus Kekayaan, dengan syarat premium/caruman tahun pertama memenuhi jumlah minimum yang diperlukan. Sebarang bayaran premium/caruman melepas tahun pertama tidak akan layak untuk Bonus Kekayaan.
- 4.7. Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak harus menjadi pemegang tunggal



- polisi, pemegang tunggal sijil atau pemegang akaun utama, yang mana yang berkenaan, untuk produk Kekayaan yang layak.
- 4.8. Produk Kekayaan yang layak yang kemudiannya ditamatkan, dibatalkan, dimansuhkan atau diterbalikkan tidak akan diambil kira. Sekiranya faedah Bonus Kekayaan telah diberikan, pihak OCBC Bank berhak untuk mendebit semula jumlah Faedah Bonus Kekayaan yang telah dikreditkan sebelum ini.
 - 4.9. Jika produk Kekayaan Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak matang atau dijual sebelum tamat tempoh Bonus Kekayaan, Faedah Bonus Kekayaan akan terus dibayar.
 - 4.10. Kadar faedah terkini dan senarai produk Kekayaan yang layak untuk Faedah Bonus Kekayaan boleh didapati di laman web OCBC Malaysia. Untuk mengelakkan keraguan, pihak OCBC Bank berhak untuk mengubah kadar Faedah Bonus Kekayaan dan senarai produk kewangan yang layak untuk Faedah Bonus Kekayaan, had Baki Purata Harian untuk pengiraan Faedah Bonus Kekayaan dan tempoh bonus yang telah ditentukan, dengan budi bicara yang tunggal dan mutlaknya dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu.

5. Terma dan syarat lain

- 5.1. Semua terma dan syarat sedia ada yang digunakan untuk produk dan perkhidmatan pihak OCBC Bank yang dirujuk di dalam terma dan syarat ini, termasuk dan tidak terhad kepada terma dan syarat yang digunakan untuk akaun deposit pihak OCBC Bank akan terus digunakan. Sekiranya terdapat percanggahan, terma dan syarat ini akan digunakan hanya sejauh mana ia mentadbir hak dan obligasi Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak di bawah Akaun Premier Booster OCBC.
- 5.2. Terma dan Syarat ini harus dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Utama – Akaun dan Perkhidmatan, Lembaran Maklumat Produk, Lembaran Pendedahan Produk Kekayaan, Ilustrasi Jualan Produk Kekayaan, Risalah Produk Kekayaan, Helaian Sorotan Produk dan Prospektus Dana, yang mana berkenaan.
- 5.3. Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk dalam semua aspek kepada undang-undang Malaysia dan Ahli-ahli Perbankan Premier yang Layak harus menurut kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.
- 5.4. OCBC Bank boleh, secara munasabah, selepas memberi notis 21 hari kalender, mengubah suai terma dan syarat ini dengan menambah, membuang, menarik balik, menggantung, menamatkan atau mengubah mana-mana terma dan syarat dan manfaat. Pihak OCBC Bank, secara munasabah dan selepas memberi notis dahuluan boleh mengubah Kadar Faedah Asas, Kadar Faedah Bonus Kekayaan, Baki Purata Maksimum, dsb. Apa-apa modifikasi atau perubahan boleh dimaklumkan kepada anda dengan memaparkan notis umum di mana-mana cawangan OCBC Bank atau laman web atau media massa dan notis itu akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.
- 5.5. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam pengawalseliaan dan/atau polisi kewangan oleh Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-Bank Malaysia, dan mana-mana badan pentadbiran yang berkaitan, kadar faedah akan disemak semula sewajarnya and kadar yang disemak semula ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang tertera dalam notis/pengumuman. Pemberitahuan perubahan ini akan dibuat melalui pengumuman yang dipaparkan di cawangan atau di laman web OCBC Bank atau mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh OCBC Bank.
- 5.6. OCBC Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaran yang disebabkan oleh sebarang tindakan Tuhan, perperangan, rusuhan, mogok, keganasan, wabak, penguncutan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau apa-apa peristiwa di luar kawalan munasabah OCBC Bank, kecuali kerugian yang berpunca daripada kecuaian OCBC Bank.